

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	14 JUNE 2017

PM harap KDNK negara cecah RM2 trilion menjelang 2025

→ Langkah perkenal GST, pelaksanaan rasionalisasi subsidi berkesan jadikan ekonomi negara lebih berdaya tahan

Oleh Magendran Rajagopal
magendran@bh.com.my

Putrajaya

Datuk Seri Najib Razak berharap Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara mampu mencecah RM2 trilion menjelang 2025, susulan langkah kerajaan memperkenalkan beberapa dasar yang berani.

Perdana Menteri berkata, langkah memperkenalkan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST), pelaksanaan rasionalisasi subsidi dan mengurangkan defisit fiskal, ternyata berkesan bagi menjadikan ekonomi negara lebih berdaya tahan.

“Antara cabaran yang masih dihadapi negara dalam usaha mentransformasikan ekonomi adalah untuk mendorong pertumbuhan ekonomi yang berlandaskan produktiviti, menggerakkan industri kepada kegiatan nilai tambah tinggi dan meraih peluang menerusi revolusi teknologi industri 4.0.

“Masa depan Malaysia tidak terjamin jika negara tidak dapat mengenalpasti bidang pengkhususan yang kita mampu berdaya saing di peringkat global,” katanya ketika menyampaikan ucapan pembukaan sebelum memulakan Perbincangan Meja Bulat Isu-Isu Semasa Bersama Usahawan Kecil dan Sederhana/Usahawan Tekno dan Persatuan di sini, semalam.

Yang turut hadir Ketua Pegawai Eksekutif SME Corp Malaysia, Datuk Dr Habsah Hashim serta Presiden Persatuan Pengusaha Kecil dan Sederhana (PKS), Datuk Michael Kang Hua Keong.

PKS ejen pertumbuhan ekonomi Perdana Menteri menekankan, PKS berperanan besar sebagai ejen dalam menyokong pertumbuhan ekonomi negara, yang terbukti menerusi peningkatan 36.3 peratus sumbangan PKS kepada KDNK negara pada 2015 berbanding 35.9 pada tahun sebelumnya atau bersamaan RM385.6 bilion nilai ditambah.

“Sesi meja bulat seperti ini mampu memberi penyelesaian isu eko-

nomi semasa, termasuk isu jangka sederhana dan panjang seperti Rancangan Malaysia serta Transformasi Nasional 2050 (TN50).

“Ini (TN50) turut menjadi aspirasi jangka panjang negara dan saya ingin Malaysia berada pada tahap 20 negara terbaik dunia menjelang 2050,” katanya.

Najib berkata, pendapat usahawan PKS dan tekno amat penting dalam merangka hala tuju pembangunan Malaysia selepas 2020.

Beliau juga mahu daya saing negara terus dipertingkatkan terutama melalui usaha peningkatan produktiviti, selari dengan Pelan Tindakan Produktiviti Malaysia (MPB) yang dilancarkan pada 8 Mei lalu.

BH-14/6/2017